

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN  
JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA  
MUZIUM NEGERI  
NEGERI SEMBILAN

Kod Projek: 92/83

Tahun 1983/84

Projek Dokumentasi Keterangan Tradisi  
Lisan Negeri Sembilan Dan Naning

Tajuk: Salasilah Naning

Keterangan Pengkisah

Nama : Mohd. Shah bin  
Mohd. Said

Nama bapa: Mohd Said bin  
Abdullah

Alamat : Balai Dato' Naning  
Kg. Simpang Empat  
Alor Gajah  
Melaka

Tempat  
lahir : Kg. Kendong  
Rembau

Pekerjaan: Kerja kampung

Tempat  
lahir : Taboh Naning

Nama ibu : Khatijah bt.  
Muhammad

Tarikh  
lahir :

Tempat  
lahir : Taboh Naning

Tempat  
dibesarkan: Taboh Naning

Pelajaran : Junior Cambridge

Jawatan : Undang Naning sejak 1952

Bagaimana mengetahui keterangan tradisi lisan  
yang dikisahkan:

Berdasarkan Terombo Naning dan penuturan  
dari orang terdahulu.

## SALASILAH NANING

Pengkisah: Dato' Mohd. Shah bin Mohd. Said

Tarikh : 3 March, 1984

Tempat : Balai Undang Naning, Simpang Empat  
Alor Gajah, Melaka.

Alhamdulillah, kita mulalah. (bacaan doa) Bismillahirrahmanirrahim. Jadi begitulah duduknya tidak dapat saya menceritakannya atau menyebutkan sebenarnya sejarah Naning hanya dapat disebutkan salasilah Naning. Mana yang dikehendaki yang asas kita sebutkan tetapi jikalau sejarah keseluruhannya panjang sangat. Jadi makna--nya semua ini telah berubah, Naning itu dahulu namanya negeri Naning ataupun luak Naning tetapi hingga ke hari ini bila kita sudah merdeka diubah namanya kepada Wilayah Adat Perpatih Naning. Semua perubahan-perubahan ini jikalau kita pandang dari segi adat tidak menjadi kesalahan sebab adat ada berkata;

Sekali air bah sekali pasir berubah  
Sekali raja berganti sekali adat berkisar.

Jadi perubahan-perubahan-perubahan ini adalah juga mengikut adat. Begitulah kedudukan perubahannya perkisaran nama Naning ini, daripada negeri turun ke luak, daripada luak menjadi Wilayah Adat Perpatih Naning. Apa yang saya ceritakan ini adalah berhubung khas kepada Wilayah Adat Perpatih Naning. Jadi saya berpesan waktu saya menceritakan salasilah ini hendaklah juga memandang kepada masa dan kalanya yang saya ceritakan. Apa dia bendanya? Jangan dipandang hari ini, jalan sudah besar, rumah batu sudah banyak, kampung sudah luas, masa itu iaitu yang mana aku yang akan ceritakan hal salasilah

menceritakan salasilah Naning ini daripada mulanya mengikut Teromba, kita memandangkan hari ini pekan besar Melaka Alor Gajah sudah lebar, jalan sudah luas, selekoh sudah lurus, jadi tentulah terlintas pada fikiran pendengar-pendengar ini cerita dongeng. Oleh itu bila kita menyebut sejarah atau salasilah, hendaklah kita fokuskan perhatian kita itu pada masa dan ketikanya bagaimana rupa tempat itu yang kita ceritakan. Alhamdulillah.

Kemudian daripada itu sebenarnya kita sedar bagaimanakah satu kumpulan manusia boleh memiliki satu negeri? 'Tiap-tiap satu kumpulan manusia boleh memiliki satu-satu negeri atau mempunyai negeri adalah dengan melalui salah satu daripada tiga jalan. Pertama, dengan jalan meneroka iaitu dibuka belah sendiri tanahair itu. Keduanya, dengan jalan bertumpah darah iaitu berperang, kalau yang diperangi, menang yang mendatang, maka dapatlah negeri oleh yang memerangi. Langkah ketiga dengan jalan tipu helah iaitu dengan cerdik pandai, begitu-begini dapatlah ia satu negeri. Tidak payah bertumpah darah, tidak payah meneroka tetapi ia dapat negeri. Tentu pendengar hendak bertanya mana dia contoh negeri yang meneroka? Yang meneroka adalah negeri Naning dibuka oleh nenek moyang kita, orang Naning pada abad ke 14. Mana dia orang yang bertumpah darah mendapat negeri? Macam Jepun dahulu. Untuk mendapatkan Tanah Melayu di berperang. Mana pula orang yang mendapat negeri dengan tipu helah? Lee Kuan Yew mendapat Singapura. Alhamdulillah. Begitulah kedudukan seseorang atau satu kumpulan manusia bagaimana boleh mendapat negeri. Oleh itu maka Naning ini didapati dengan jalan meneroka. Alhamdulillah.

Maka di sini dapat kita mengikuti bagaimanakah cara nenek moyang kita mula-mula menapak ke Tanah Naning ini. Orang Naning ini berasal daripada alam Pagar Ruyong iaitu alam Minangkabau di Sumatera. Pada awal abad ke 14 itu mereka yang menyeberang daripada alam Minangkabau iaitu alam Pagar Ruyong tadi menuju ke Tanah Besar Semenanjung Tanah Melayu mengikut Sungai Melaka di mana mereka terdiri daripada empat kumpulan keluarga. Pertama, kumpulan keluarga Nan Bergajah Tunggal maknanya dalam kumpulan itu, dia seorang saja raja, tiada pemerintah lain. Kedua, kumpulan keluarga Semelenggang. Ketiga, kumpulan keluarga Tiga Batu; dan keempat kumpulan keluarga Mungkar. Mereka semuanya datang daripada tanah seberang. Apabila sampai ke Tanah Besar mengikut sungai, mereka berhenti di Melaka dan mendarat dekat sungai ini lalu bermalam di sana. Maka orang Melayu Melaka ramai datang bertanya, "Ke mana saudara orang seberang ini?". Dia sebut orang seberang, tidak disebut orang Minangkabau atau orang Indonesia tidak ada. Maka jawab ahli kumpulan tadi, "Kita hendak naik ke hulu-lah dengan niat dan tujuan kita hendak meneroka belah negeri."

Dalam cara perbualan itu maka kumpulan orang Melayu Melaka ini pula minta izin supaya dapat bersama. Jadi mana yang berkumpul tadipun bersetuju. Pendekata mereka menghulu mengikut Sungai Melaka kerana masa itu tidak ada jalan. Sebelum itu suka saya katakan bahawa tempat mendarat itu tadi sampai hari ini namanya kampung Hulu Melaka. Ianya dinamakan Kampung Hulu sebab mula-mula ia sampai di situ, ia menapak dan di situ juga dibuat tempat. Apabila terbuka tanah Naning dan tanah Rembau dan mana-mana, orang ini dipanggil "orang hulu" sebab

kita di hulu sungai, serta di situlah mereka berkumpul untuk menjalankan perniagaan, jual-beli, memawa hasil mahsul dan membayar cukai. Baiklah, itu saya sentuh sedikit-sedikit sebelum terlupa. Seterusnya ia menghulu mengikut sungai sampai ia berhenti pada satu tempat dan ia pun mendarat. Tempat mendarat dari lautan atau dari sungai itu dinamakan pengkalan (landing step). Sampai hari ini kampung itu namanya Kampung Pengkalan. Seterusnya mereka berjalan lagi masuk lurah, turun bukit naik bukit, hutan rimba bila sampai pada satu saya yang sangat luas orang tua-tua sudah mula kecuah, badan sudah sakit-sakit, "Anak-anak mari kita berhentilah. Macamana di sini?" Jadi sempena mengambil sakitnya orang tua-tua maka tempat itu dinamakan Paya Datok. Kemudian berjalan lagi naik bukit turun bukit, orang muda-muda pula sudah sakit, sakit tulang rusuk kerana memikul barang-barang, maklumlah! "Oi mintalah kita berhenti dulu, rusuk kami sudah sakit benar!" Kata orang muda-muda itu. Jadi pihak yang menganjur ini iaitu orang tua-tua tadi berkata, "Kita katakanlah bukit ini Bukit Serusuk sebab rusuk kita sakit!" Mereka meneruskan lagi perjalanan sampai pada satu tempat yang belum ada nama sebab masa itu hutan belantara, iaitu dekat masjid Taboh. Apabila sampai di situ mereka berhenti dan berkata, "Di sini bagus kita buka belah buat negeri!" Jadi orang dulu-dulu itu jangan tidak tahu dia orang ini boleh kita katakan keramat-keramat. Allah Taala telah beri kelebihan pada dia, ada "kashab" sama dia. Dia tahu dalam hati orang itu dari sini dia sudah nampak. Orang tua-tua dahulu keramat-keramat bukan macam kita ini berdosa sahaja tidak adapun hendak bertaubat! Jadi orang tua-tua ada mata dalam; mereka kata, "Di sinilah kita buka negeri sebab belah sana

ada Bukit Bisa!" Jikalau kita pergi ke masjid Taboh, dekat depannya itu ada bukit. Bukit itu sejak daripada mula dijejak oleh nenek moyang sampai hari ini kayunya tidak pernah ditebang, habis tidak ada itulah kayu yang tumbuh sudah besar, roboh mati, tumbuh dan besar, roboh mati, itu tidak diusik-usik lagi. Bukit itu Bukit Bisa namanya. Sebab ia bisa.

Mengikut ceritanya Bukit Bisa ini dahulu diadakan dua jalan. Matahari daripada sebelah sini (sambil menunjukkan arah matahari) jikalau matahari pagi, kita tidak boleh jalan sebelah baruh maknanya sebelah bawah dia punya bayang-bayang. Sesiapa yang melintasi bayang-bayang, Allah Taala tunjukkan bahayanya. Jadi sebelah pagi jalan sebelah atas, "Matahari sebelah sini kan?" Jalan sini sebelah petang (melukis rajah di atas meja) mengelakkan bayang-bayang tadi, itu dulu-dulu! Akhirnya Bukit Bisa ini dinamakan Bukit Penyalang (*Exécution Hill*) hari ini. Sebab dinamakan Bukit Penyalang, hukuman bunuh kalau didapati hendak dijalankan dibuat di atas bukit itu. Hukuman bunuh disalang bukan digantung bukan dielektrik! Salang itu dengan ambil penyalang, keris penyalang itu dicucuk sini terus ke mari, cucuk di sini (menunjukkan bahu) langsung ke sini (menunjuk ke dada) matilah. Insyallah mati. Itu yang sebenarnya, lain cerita adalah dongeng. Ini aku sendiri yang bercakap, Undang Naning! Bila sampai di sini, kumpulan tadi pergilah mencari satu bukit untuk memandangkan kelusan tempatnya. Kita sekarang ada pakai teleskop, dahulu teleskop pakai mata inilah. Jadi naiklah di atas satu bukit, bukit itu dinamakan Bukit Lebar Silau. Sekarang dinamakan orang Bukit Lebar

Se'lan, tidak tahu sebab apa. Lebar Silau sebab semasa ia memanjat pandangan di situ adalah luas. Bila ia sudah memandang ia berkata, "Di sini tempat kita mula membuka belah." Apabila turun ke bawah mereka jumpa paya penuh dengan air ada di situ tiga sebaris tiga buah; satu dua, tiga. Di sini bukan tanah daratan di dalam laut. Jadi orang tua-tua dahulu lagi luas pandangan mereka daripada kita. Jikalau ditanya "Apa makna pulau? Pulau maknanya sekeping tanah daratan yang dikelilingi oleh air." Bukan dikata satu keping tanah daratan yang terletak dalam laut. Kalau dalam tasik ada satu tanah di tengah-tengahnya apa kita hendak panggil? Pulau juga. Jadi inilah dia pulau yang dikatakan tadi; Tiga Pulau Sejajar. Pulau yang di tengah-tengah itu tadi ada didapati sarang naning yang bercorak kuning terus. Naning ialah satu serangga yang mempunyai penyengat yang paling bisa, badannya macam tebuhan tetapi tebuhan perutnya rapat dengan bahagian badan. Naning mempunyai bahagian yang genting antara bontot dengan badan. Bentuk perutnya (menunjukkan bentuk yang dimaksudkan) genting macam ini. Ianya satu perkara yang luar biasa dijumpai, lalu dinamakan pulau itu Pulau Gelang Tiga Sejajar sampai hari ini. Kumpulan itu mendarat lagi lansung sampai ke bawah satu pokok terap dan terdengar -dengar bunyi iaitu bunyi taboh. Taboh ini ..maknanya bedok yang di masjid yang diketuk untuk memanggil orang bersembahyang. Itu taboh namanya, tetapi bedok. Jadi satu bedok, satu taboh berbunyi sendiri. Besar gedoknya, di situ di bawah pokok terap itu!. Jika orang datang ia berbunyi, kalau petang Jumaat, ia bunyi sendiri, hari Jumaat ia bunyi sendiri, ada pergaduhan pun ia bunyi sendiri.

Jadi dua perkara yang teristimewa dijumpai. Mereka pun mulalah membuka belah situ dan naik di atas Bukit Bisa atau Bukit Penyalang tadi untuk menjalankan istiadat munajat. Itu sebabnya tiap-tiap kali Undang Naning diganti bila hendak diadakan istiadat berkerjan maknanya berkerajaan. Ia mesti naik di atas Bukit Bisa atau Bukit Penyalang untuk munajat dahulu sebelum adat istiadat yang lain. Istiadat munajat bagaimana dijalankan pada zaman dahulu masih berterusan sampai ke hari ini dan aku dulupun semasa dilantik untuk menjadi Datuk Naning istiadat munajat itu mesti dibuat. Kalau tidak buat tidak sah. Bukit itu tiada siapa yang berani mengambil! Masa orang putih pun tidak dibenarkan kacau bilau berlaku di bukit itu. Sampai hari ini bukit di depan masjid ini dinamakan Bukit Penyalang. Siapa juga yang dilantik menjadi Datuk Naning mesti mengadakan istiadat berkerjan iaitu berkerajaan di atas bukit itu dan mesti menjalankan istiadat munajat dahulu sebagai mengikut langkah nenek moyang kita semasa membuka belah negeri ini dahulu. Istiadat ini mesti dibuat sampai bila-bila, kalau tidak dia punya pusaka adalah tidak sah!

Semua memakai pakaian cukup dan dengan memegang bendera masing-masing suku. Beraturilah beramai-ramai dengan lembaga masing-masing semasa dijalankan istiadat berkerjan itu tadi. Bukit Penyalang digunakan sampai hari ini.

Setelah dibuka belah Naning maka dibahagilah pekerjaan nenek moyang kita dahulu semua pekerjaan bersama iaitu huruf yang dipakai untuk kerja bersama iaitu berkerotong-royong. Hari ini orang sudah ada huruf baru pula, gotong-royong! Kita orang Naning berkerotong-royong mengambil sempena berkerotong sebagai "semut mengejar gula tumpah." Kita pergi hendak buat kerja yang telah diatur itu, dan ini menunjukkan kuatnya perpaduan orang Naning tadi serupa dengan pokok royong. Kita pandang dia punya sergap begitu rapat. Pendeknya kerja sebulan menjadi sehari, macam itulah kerja nenek moyang kita dulu-dulu. Bukan itu sahaja, jikalau nikah kahwin, semenda menyemenda, istiadat merapat diadakan semangat bekerjasama diamalkan. Misalnya orang semenda, waris-waris lain membawa kayu seorang sepikulan pulan. Perempuan yang muda-muda pula menjahit kelambu begitu begini; yang tua-tua menyiapkan tapak sirihlah. Jadi semuanya itu berkerotong royong dan diatur oleh nenek kita di Naning masa itu tetapi kini setengah-setengah saja diamalkan!

Bila telah dibuka Naning, maka dibahagilah. Pertama dihabagi kepada kumpulan Nan Bergajah Tunggal, iaitu kumpulan Undang Naning dibahagilah ke hulu, sempadannya pokok ipoh bisa. Ke hilir dia bilang anak air melintang, ke baruh dia bilang Pulau Gelang Tiga Sejajar dan ke darat Bukit Bisa. Itulah yang diuntukkan pada Undang itu tadi. Jadi tempat itu dinamakan Kampung Tabuh sampai hari ini.

Itulah dia sampai hari ini, tidak ada benda lain yang boleh namakan 'ancestral property' Tempat ini dinamakan Taboh mengikut sempena Tabuh keramat. Kemudian apabila sudah dikeluarkan peruntukan undang tadi tinggalah empat kumpulan keluarga. Siapa? Iaitu kumpulan keluarga Semelenggang, kumpulan keluarga Tiga Batu, kumpulan keluarga Mungkar, kumpulan keluarga Anak Melaka. Jadi empat kumpulan keluarga. Pada peringkat ini belum sebut suku lagi, masih kumpulan keluarga. Jadi kumpulan keluarga dahulu, mereka berkahwin sesama kumpulan tetapi mengikut syarak.

Jadi semua ketua-ketua kumpulan keluarga yang empat ini sampai hari ini dikira sebagai Tiang Balai Undang Naning, lembaga pada tiang balai undang. Itu sebabnya kalau pernah mendengar orang tua-tua berkata, "Naning ini diperintah oleh empat suku!" Empat suku ini ialah Semelenggang, Tiga Batu, Mungkar dan Anak Melaka.

Sesudah itu bermesyuaratlah mereka. Sekarang ini sudah dibahagi empat, jadi satu daripada empat ialah satu perempat. Kalau satu perempat kali empat kumpulan menjadi satu.

Maka disebutlah kumpulan keluarga ini kepada huruf suku, jadilah suku Semelenggang, suku Tiga Batu, suku Mungkar, suku Anak Melaka dan berbagai-bagai suku lagi tetapi sebutan suku tidak boleh tinggal. Sebabnya waktu membuka belah dahulu ada empat kumpulan keluarga.

Jadi empat kumpulan keluarga ini tiap-tiap satu ini disebutlah dulu huruf suku belakang barulah disebut nama apa suku dia. Maknanya apa kumpulan keluarga dia, Semelenggang, Tiga Batu, Mungkar dan Anak Melaka! Jadi bila sudah selesai mesyuarat maka dinamakanlah negeri itu, Naning. Di sini tumbuh huruf Naning yang mengambil sempena naning di atas Pulau Gelang Tiga Sejajar.

Itulah sampai hari ini, Undang Naning itu tadi diadatkan baginya berkerjan di Taboh, beristana di Naning. Berkerjan di Taboh maknanya mesti dalam kawasan Taboh, di masjid Taboh tu. Beristana maknanya dia boleh beristeri di mana juga dalam wilayah Naning ini tadi. Dia boleh bukan terkhas pada satu suku saja, apa jua suku dia boleh kahwin; di Berisu kah! Masjid Tanah kah! Di Nyalas atau di mana-mana, asal dalam wilayah Naning. Itu maknanya berkerjan di Taboh, beristana di Naning maknanya mesti buat rumah di Naning dia tidak kira, bukan mesti dekat Taboh, di mana saja apabila dia kahwin, dia boleh buat istana di situ. Tetapi hari ini macam-macam dah disimpulkan dan diubah-ubah oleh orang. Kita berkanun kepada apa sebenarnya berlaku.

Tanah yang diterokai itu tadi telah diistiharkan melalui satu mesyuarat antara semua orang di situ, dijadikanlah tanah ini satu tanah wakaf zuriat suku ataupun keluarganya masing-masing mengikut perbilangan;

Bertumpuk bak kurap  
berjinjang bak sawah

Maknanya mana yang telah terpulang pada sesuatu suku tanah-tanah itu tadi dijadikan wakaf zuriatnya masing-masing. Inilah yang diadatkan

yang dinamakan harta posako. Bagi adat tidak boleh sebut pusaka, kalau sebut pusaka orang faham tetapi pada adat pusaka tidak boleh, mesti "posako". Apa sebab? Huruf posako ini adalah satu huruf yang ada membawa makna dan tujuannya yang tersendiri. Posa maknanya pasal, sako maknanya sebelah ibu ...

Peraturan adat, "jual tak makan beli, gadai tak makan tebus," maknanya di jual pun tidak boleh, gadai pun tidak boleh. Zaman dahulu tidak ada bergeran pakai tunjuk saja. Itulah dia maknanya. Sekarang bila Naning telah luas dan bila Naning telah dijajah oleh East India Company pada bulan enam, tahun 1832, penjajah masa itu mula-mula tidak ada mengenakan cukai ke atas tanah posako. Kemudian dia tentukan bahawa tanah posako suku tidak ada cukai. Tanah yang bukan posako suku ini tadi iaitu posako waris diambil cukai sedikit. Tanah posako suku ini bebas kemudian perlahan-lahan sudah diambil cukai. Dia dah keluar geran dan untuk menentukan samada tanah posako atau tidak mula-mula dia buat geran kuning. Jadi tentu geran kuning tanah posako sukulah dan ada satu jenis geran lain. Akhir-akhirnya hari ini sudah sama rata. Apa nak buat itu mengikut keadaan. Jadi di sini kesimpulannya tanah-tanah yang diteroka tadi dijadikan tanah wakaf zuriatnya dari mula lagi, dari meneroka sehinggalah ke hari ini.

Harta ini tadi dalam bahagian tanah khasnya ada dua jenis; Pertama harta posako suku di mana dalam geran tanah berkenaan tadi ada bertulis "tanah adat perpatih Naning, harta posako suku Mungkat, harto posako suku Anak Melaka, harta posako suku Tiga Batu!"

Kedua pula harta pencarian.

Ada orang yang mengatakan adat Naning mengamalkan peraturan yang bertentangan dengan agama di mana orang perempuan saja yang di-bolehkan mewarisi harta posako. Awalan ini adalah haram. Jadi aku kata "Engkau orang ini mengharamkan barang yang halal!" Yang sebenarnya yang tidak dapat oleh waris laki-laki ialah tanah tanah posako suku di mana tidak dapat menulis nama lelaki di dalam geran posako suku itu. Masa ini dah bertulis, dulu tidak bertulis. Apa sebab? Laki-laki mengikut adat kita nan diadatkan nikah kahwin semenda menyemenda bukan dalam suku sendiri. Laki-laki orang Tiga Batu mesti kahwin dari suku lain.

Ya, orang Tiga Batu kahwin orang suku Mungkar ia beranak, anak dia itu mempunyai suku Mungkar, tetapi darah dia bukan? Takdirnya dia mati dan nama dia ada dalam geran tanah harta posako suku. Seorang anak berhak menuntut dari segi undang-undang ke atas tanah peninggalan bapanya. Jika demikian posako suku sudah hilang tidak ada lagi, itu saja sebabnya. Tetapi kuasa di atas laki-laki ialah ia membahagikan tanah posaka peninggalan ibunya itu, ia masih boleh makan apa-apa hasil yang terdapat cuma yang ia tidak boleh, memasukkan namanya ke dalam geran sebagai pemilik yang sah dari segi undang-undang.

Yang sebetulnya itulah dia, yang tidak dapat hari ini ialah tulis nama dalam geran. Maknanya kuasa makan harta mesti dua-dua, laki-laki

dan perempuan. Waris lelaki tetap berhak dari segi adat mengambil apa-apa hasil kiranya dia mahu. Sebab dia sama-sama berhak. Tetapi dalam nikah kahwin kita dan semenda-menyemenda pula ada satu aturan. Seperti saya, saya ini orang Semelenggang, nikah dengan orang Mungkar. Habis saja kahwin ipar lemai saya orang Mungkar ini ada menyerahkan unjuk beri tempat semenda pada orang semenda pada saya. Diterangkanlah tanah untuk isteri saya "tanah di lurah ada tiga ekar kebun getah, ini tanah posako suku. Ada sawah, tanah posako suku seluas tiga ekar; tanah dusun ada empat ekar." Itu harta unjuk beri tempat semenda pada orang semenda.

Diberi pada saya kuasa, bila dah buat tu makan dah halal, lagi terang saya sudah ada kuasa. Unjuk beri tempat semenda pada orang semenda, bukan unjuk beri nama orang itu pada nama saya tidak boleh. Maknanya laki-laki sekalipun tidak 'directly' memakan harta kepunyaan emaknya, tetapi dia memakan harta kepunyaan isterinya. Tanah posako isteri dia tadi, tanah posako dia juga. Jadi dia ini makan dua jalan iaitu tanah posako emak dia sendiri dan tanah posako isterinya. Kalau orang di sana datang ke mari, kita pula menyerah pada dia, jadi adalah sama.

Itu adat perpatih Naning dari segi mendapat harta, dalam <sup>INISAN</sup> kahwin dan semenda menyemenda.

MAKMAL / ARNIB SEBANG  
 Fakri Sa...  
 Kementerian Kebangsaan Malaysia  
 Bangi

Pernah berlaku di mana rumah ini dikatakan untuk anak perempuan yang bongso. Amalan ini bukan diadatkan tetapi ada logiknya. Kalau ada empat orang adik beradik perempuan, yang pertama sudah kahwin, dia sudah buat rumah. Yang kedua dan ketiga sudah kahwin dan masing-

masing pun sudah buat rumah. Yang bongsu biasanya yang akhir berkahwin. Bila dia kahwin ia tidak payah buat rumah lagi sebab rumah itu sudah ada. Itu sebabnya bukan kata mesti terhak kepada yang bongsu tetapi keempat-empat perempuan itu sama-sama berhak. Bukan adat yang berkata mesti yang bongsu dapat, itu tidak ada. Keempat-empat orang perempuan tadi sama berhak.

Naning telah berkembang pada abad ke 15 maka kita ingat kembali sempadan-sempadan yang bersempadan dengan tanah Naning iaitu dimulai daripada bengkung condong dekat Gunung Ledang, bersempadan dengan Johor. Dari sana diikutlah terus menerus ke sempadan Negeri Sembilan; ke Bukit Putus dan terus pula ke hulu Air Panas sampai ke Tanjung Lubuk Buntal; menuju ke bawah sana sampailah ke Tanjung Bidara, sebelah Tanjung Bidara menujulah ke Paya Rumpit terus balik ke bengkung condong, balik ke gunung Ledang tadi. Begitulah luasnya tetapi akibat peperangan banyak kawasan yang hilang. Begituuduknya sempadan-sempadan tanah Naning ini pada abad yang ke 15.

Mengikut teromba Naning adalah satu daripada sembilan Wilayah Adat atau Negeri. Negeri-negeri itu ialah Segamat, Naning, Rembau, Sungai Ujung, Johol, Jelebu, Kelang, Jelai dan Ulu Pahang. Mereka ini bersatu dengan harapan mereka tidak lagi bertengkar-tengkar sesama sendiri. Oleh itu tertubuhlah satu negeri yang dikenali dengan nama Negeri Sembilan. Tetapi dengan peredaran masa Segamat ini semakin kurang penduduknya, orang-orang yang ada baki-baki tinggal di situ pindah ke Naning ini melalui Batang Melaka. Namanya suku Mungkar

Segamat. Nama ini diwujudkan adalah sebagai satu cara untuk mengingatkan mereka bahawa mereka datang daripada Segamat. Kelang pula sudah termasuk dalam negeri Selangor. Itulah sebabnya Sultan Selangor beristana di Kelang sehingga hari ini kerana asal Kelang itu satu daripada negeri yang kecil dahulu.

Manakala Jelai dan Ulu Pahang tinggallah dalam Pahang. Sebab itulah Sultan-sultan Pahang pergi menghulu Pahang berziarah makam-makam orang-orang dahulu kala. Jadi yang tinggal menganut adat perpatih daripada 9 negeri ini ialah luak Naning atau Wilayah Adat Perpatih Naning, Rembau, Sungai Ujung, Johol dan Jelebu. Lima luak ini tadi menganuti adat perpatih nan sebatang yang berasal daripada adat perpatih nan sebatang. Jadi begitulahuduknya bagaimana ceritanya dah jadi lintang pukang, kelam kabut, situ tukar ke mari duduknya negeri Naning ini sampai ke hari ini.

Portugis mengakui pula yang ia berhak ke atas Naning sepanjang penjajahannya di Melaka selama lebih satu ratus tahun itu. Mengikut kita punya teromba, Portugis tidak pernah sampai ke Naning. Tetapi orang kita memang turun memerangi mereka di Padang Catar dekat Melaka membunuh dan membakar orang Portugis. Orang Naning tidak mengaku negerinya dijajah.

Kemudian datang Belanda pada tahun 1641. Belanda pula menuntut Naning, persetiaan ada ditandatangani dengan Belanda. Mengapa perjanjian dibuat? Itu menunjukkan Belanda tidak ada memegang negeri

Kemudian kalahlah perang, jatuh ke tangan British pada bulan Jun 1832 dengan 'East India Company' mengambil pemerintahan. Pada masa jatuhnya Naning ini tadi Datuk Dol Said melarikan diri ke sebelah Pasir Putih, Batu Besar Seri Menanti. Setelah jatuhnya Naning pada bulan Jun 1832 maka Naning termasuklah kepada takluk jajahan orang British dan dimasukkanlah Wilayah Naning ini di dalam peta negeri Melaka. Maka penjajah ini pun membuat dasarlah. Apa dasarnya? Dibelah-belah dibahagi-bahagi, diperintah Naning ini tadi. Dahulu Naning ini satu saja tidak ada mukim. Sebelum itu Naning tidak ada belah-belah. Ia ditadbir mengikut suku.

Umpamanya, ini orang Mungkar, kamu Mungkar, ini Anak Melaka kamu Anak Melaka, itu saja yang ada. Jadi bila British masuk Naning di pecah-pecah pada 14 bahagian dinamakannya mukim. Jawatan penghulu bagi tiap-tiap mukim diwujudkan. Pertama Mukim Kelamak penghulu yang dilantik bernama Manja. Kedua, Mukim Pagoh dilantik seorang penghulu namanya Mamat. Yang ketiga Mukim Simpang dilantik seorang penghulu namanya Maulana Sultan, yang keempat Mukim Taboh ini buat satu mukim dilantik seorang penghulu namanya Safar, yang kelima Mukim Lendu dilantik seorang penghulu namanya Timan, yang keenam Mukim Air Paabas dilantik seorang penghulu namanya Dol.

Yang ketujuh Mukim Berisu dilantik seorang penghulu namanya Alauddin, kelapan Mukim Sungai Siput dilantik seorang penghulu namanya Laut, kesembilan Mukim Padang Sebang dilantik seorang penghulu namanya Purah, yang kesepuluh Mukim Tanjung Rimau dilantik seorang penghulu namanya

Lingku, yang kesebelas Mukim Pulau Sebang dilantik seorang penghulu namanya Talib, yang kedua belas Mukim Kemuning dilantik seorang penghulu namanya Udin, yang ketiga belas Mukim Tebung dilantik seorang penghulu namanya Dol dan yang keempat belas Mukim Batang Melaka dilantik seorang penghulu namanya Pujak. Jadi dibahagi-bahagikannya menjadi 14 mukim dan tiap-tiap mukim diwujudkan penghulu pula.

Maka perkhabaran atas perpecahan-perpecahan ini diketahui oleh Almarhum Datok Dol Said iaitu Undang Naning yang berperang dahulu, maka Almarhum pun turunlah pergi ke Melaka dengan tujuan supaya dapat satu perundingan yang teratur. Jadi apa akibatnya? Peraturan negeri tidak ada dan ia ditahanlah dan dibahagilah langsung tempat duduk dan dipaksanya Datuk Dol Said "Engkau jangan balik ke Naning", didudukkannya di Melaka dengan memberi satu rumah dan tanah dinamakan tempat itu Raja Berang. Hari ini orang tulis Gajah Berang. Ia bukan gajah berang tetapi Raja Berang oleh sebab raja yang berang.

Jadi dipendekkan kata, negeri Melaka termasuk Naning dipecah-pecahkan lagi pula kepada tiga daerah iaitu daerah Melaka Tengah, daerah Alor Gajah dan daerah Jasin. Hak Naning sampai hari ini termasuk tiga mukim dalam daerah Jasin dan dua puluh dua mukim dalam daerah Alor Gajah.

Jadi pendekata sehingga hari ini yang telah dituliskan dalam perlembagaan akhirnya Naning dipecah-pecahkan lagi dijadikannya kepada 25 mukim iaitu;

- |                       |                        |
|-----------------------|------------------------|
| 1. Ramuan China Besar | 2. Ramuan China Kechil |
| 3. Sungai Baru Ulu    | 4. Masjid Tanah        |
| 5. Sungai Siput       | 6. Taboh Naning        |
| 7. Pegoh              | 8. Kelemak             |
| 9. Pulau Sebang       | 10. Tanjung Rimau      |
| 11. Padang Sebang     | 12. Gadik              |
| 13. Melaka Pindah     | 14. Brisu              |
| 15. Air Paabas        | 16. Lendu              |
| 17. Sungai Buluh      | 18. Melekek            |
| 19. Rumbia            | 20. Sungai Petai       |
| 21. Kemuning dan      | 22. Tebung.            |

Kesemua mikim ini duduk di dalam daerah Alur Gajah. Yang ke 23. Batang Melaka, 24. Jus, 25. Nyalas. Tiga mukim ini duduknya di dalam daerah Jasin. Jadi jumlah Naning ini hari ini iaitu yang diciptakan dalam perlembagaan wilayah adat perpatih Naning ialah sebanyak 25 mukim.

Kemudian diadakan penghulu-penghulu sampai 25 orang dan penghulu-penghulu diberi elaun. Kemudian dilantik pula sidang. Tiap-tiap satu mukim tadi dilantik tidak kurang daripada empat orang sidang.

Tidak kurang dari empat sidang bagi tiap-tiap satu mukim dan sidang-sidang ini ada pula diberi cenderamata perlepasan dari cukai tanah sebanyak lima ekar. Inilah cara Inggeris membenamkan (atau) menghapuskan kuasa-kuasa yang ada dalam tangan Undang Naning dan orang Naning dilagakannya.

Jadi dengan adanya penghulu-penghulu dan sidang-sidang ini cuma hal adat saja yang tinggal pada Datuk Naning. Pada akhir-akhirnya maka penghulu-penghulu ini juga sebelum merdeka lagi sudah dijadikan mereka kakitangan kerajaan.

Hari ini di Naning ada dua penghulu dilantik, satu mukim, satu penghulu adat. Tugas penghulu adat adalah sama seperti kerja penghulu adat yang dahulu iaitu menjaga keselamatan anak-anak buahnya. Oleh sebab itulah penghulu adat diberi gelaran Datuk Setia Bakti. Dia juga merupakan tampuk berkuasa yang tertinggi di dalam mukimya masing-masing dan kuasanya terus menerus pada Undang Naning.

Jadi mengikut peraturan adat nan diadatkan;

Adat nan berjinjang naik  
nan bertangga turun

Nan berjinjang naik maknanya dari anak buah kepada ibu bapa, ibu bapa kepada tua, tua kepada penghulu, penghulu kepada Undang. Itulah di-susun pentadbiran kita dan begitulah kedudukannya yang kita dapat dalam salasilah Naning ini.